

17 OCT 2000

Parlimen-Kuorum

CUKUPKAN KUORUM DEWAN RAKYAT TANGGUNGJAWAB BN, KATA DAP

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Tanggungjawab mencukupkan kuorum pada sidang Dewan Rakyat terletak di bahu anggota-anggota Parlimen Barisan Nasional (BN) kerana urusan yang dijalankan di Dewan Rakyat adalah urusan kerajaan BN, kata DAP.

Setiausaha Agung DAP Kerk Kim Hock berkata dari segi bilangan, anggota Parlimen DAP, PAS dan Keadilan yang seramai 43 orang ditambah dengan dua orang daripada PBS sudah lebih daripada mencukupi bagi membentuk kuorum 26 daripada sejumlah 193 anggota dewan.

"Namun dari segi moralnya, keperluan kuorum mesti dipenuhi oleh anggota dewan dari BN kerana urusan yang dijalankan adalah urusan kerajaan BN, kata Kerk (DAP-Kota Melaka) kepada Bernama di bangunan Parlimen hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang mengingatkan anggota Parlimen BN supaya memastikan kehadiran dan tidak menimbulkan masalah bagi Dewan Rakyat untuk mendapatkan kuorum.

Dr Mahathir berkata BN akan mengambil kira kehadiran anggota Parlimennya dalam menentukan senarai calon yang akan diberi peluang bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) berkata pembangkang juga mesti melaksanakan tanggungjawab menggenapkan kuorum kerana mereka juga adalah anggota Dewan.

Katanya, bilangan mereka mencukupi dan tidak boleh menuding jari kepada anggota daripada BN semata-mata, yang juga mempunyai tugas dan tanggungjawab jawatan masing-masing di luar Dewan.

Sementara itu, Datuk Ahmad Zahid Hamidi (BN-Bagan Datok) mengulas perkara yang sama berkata kehadiran di kalangan anggota dewan yang muda and baru biasanya tidak menjadi masalah.

"Yang mungkin sedikit bermasalah ialah anggota dewan yang agak senior yang uzur," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata peringatan yang diberikan oleh Dr Mahathir yang juga pengerusi BN itu perlulah diberi perhatian serius dan diambil berat, kerana tanpa kuorum yang mencukupi perjalanan urusan Dewan akan tergendala.

-- BERNAMA

MNY RV RI